

Jangan perjudi masa depan negara – Abdullah

Oleh ZULKIFLI JALIL dan
HASHNAN ABDULLAH

PUTRAJAYA 12 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan rakyat jangan sesekali memperjudikan diri dan masa depan negara dengan mengundi pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Tegas Perdana Menteri, rakyat perlu membuat keputusan yang betul kerana pemilihan kerajaan bergantung kepada parti yang terbukti berjaya menjamin pembangunan dan kestabilan negara.

Dalam hubungan ini, beliau yakin Barisan Nasional (BN) akan sekali lagi mempertahankan mandat untuk memerintah.

"Kita yakin akan menang, saya percaya dengan pengalaman begitu lama memerintah dan kejayaan yang diperoleh secara umum, baik dalam ekonomi, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan pendidikan, rakyat akan ambil kira (prestasi BN).

"(Justeru) rakyat kena fikir betul-betul kerana penentuan kerajaan yang memerintah bergantung kepada parti yang ada hubung kait dengan pembangunan, kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN ditemui pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di pekarangan Kompleks Seri Perdana di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai prestasi dan peluang BN untuk mempertahankan mandat memerintah pada pilihan raya umum ke-12 yang dikatakan akan diadakan dalam waktu terdekat.

Menurut Abdullah, keyakinan BN untuk menang adalah berdasarkan kepada persiapan rapi yang sedang diatur oleh jentera parti di semua peringkat.

"Kita memang perhatikan apa yang berlaku sekarang tentang perkara-perkara yang beri kebaikan kepada negara yang tentunya rakyat senang hati.

"Tapi ada masa-masanya (bila) pilihan raya (berlangsung), kita hadapi ekonomi yang sukar, (cuma) yang penting sama ada rakyat yakin atau tidak dengan kita," katanya.

Beliau berkata, realitinya kerajaan sedia ada berjaya membawa pembangunan yang baik untuk rakyat.

Namun, tegasnya, kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah yang ada dengan terus meningkatkan pencapaian matlamatnya dipertingkatkan lagi.

"Yang tidak baik, kita baikkan, yang kurang, kita tambah dan yang lemah, kita teguhkan.

"Inilah sejarah BN dari dulu hingga sekarang. Kita sebenarnya sudah mula mewujudkan koridor pembangunan supaya ada keseimbangan ekonomi. Kita mahu supaya ada pengagihan yang saksama dan peluang untuk semua.

"Apa yang penting ialah pem-



ABDULLAH Ahmad Badawi (kanan) mendukung cucunya, Jibreil Ali Jamaluddin, empat bulan anak Khairy Jamaluddin dan Nori Abdullah semasa menghadiri Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di Kompleks Sri Perdana, Putrajaya, semalam.

angunan infrastruktur kerana tanpa infrastruktur yang baik, kita tidak akan berjaya," katanya.

Ditanya mengenai keputusan DAP mahu bertanding di tujuh kerusi Parlimen dan 19 kerusi De-

wan Undangan Negeri (DUN) di Pulau Pinang, Abdullah berkata: "Biarlah, itu (sasaran) DAP."